

Chelsea pecah rekod baharu, buru kategori A

PELARI pecut Sabah, Chelsea Cassiopea Evaci Bopulas memadam rekod 400 meter (m) miliknya yang baru berusia dua hari pada Kejohanan Olahraga Grand Final Institusi Pengajian Tinggi (IPT) 2022 semalam.

Atlet Universiti Malaysia Sabah itu mencetak masa 55.75 saat (s) ketika meraih pingat emas acara 400m wanita kategori podium yang berlangsung di Stadium Mini Majlis Sukan Negara (MSN), Bukit Jalil.

Catatan itu membolehkan Chelsea memadam rekod kejohanan yang sebelum ini dilakukannya dengan masa 56.83s di peringkat separuh akhir pada Jumaat lalu.

Antara kunci kejayaan tersebut adalah disebabkan atlet berusia 20 tahun itu mahu mencari rentak terbaik dalam misinya meraih tiket kategori A ke Sukan SEA 2024 di Phnom Penh, Kemboja pada Mei tahun depan.

“Perancangan memang mahu ke Sukan SEA tahun depan kerana sekarang saya sudah layak dalam kategori B. Saya kalau boleh nak kategori A supaya tempat lebih terjamin ke sana.

“Saya perlu lakukan catatan masa pingat gangsa sewaktu Sukan SEA Hanoi untuk layak ka-



CHELSEA memasang impian untuk meraih tiket Kategori A di Sukan SEA 2024 apabila berjaya memecahkan rekod Kejohanan Olahraga Grand Final IPT sebanyak dua kali.

tegori A (54.40s dilakukan atlet Vietnam, Quach Thi Lan). Saya akan cuba sebaik mungkin,” katanya.

Faktor lain adalah Chelsea mahu menebus kekalahannya yang menyaksikan dia meraih perak 200m kelmarin selepas tewas kepada ratu pecut Universiti Putra Malaysia (UPM), Zaidatul Husniah Zulkifli.

“Malam tadi saya sudah berjanji untuk *all out* pada perlumbaan ini dan tak sangka larian ini mampu untuk perbaiki PB (rekod

peribadi) yang saya buat tiga tahun lepas.

“Saya tamatkan Grand Final ini dengan satu pingat emas beserta rekod baharu dan satu perak. Saya amat berpuas hati kerana ia terlalu menakjubkan buat saya,” jelasnya.

Pingat perak 400m kategori podium wanita semalam dimenangi atlet UPM, Mandy Goh Li (56.29s), manakala gangsa menjadi milik pelari Universiti Malaysia, Zaimah Atifah Zainuddin (60.59s).